

Tebing Sungai Perak aset pelancongan

» Tinggalan
sejarah, desa
ubah
landskap
ekonomi

Oleh Mustafa Ngah Mansor
bhnews@bh.com.my

► Kampung Gajah

Kerajaan negeri dan sektor swasta disaran mencari pendekatan strategik untuk membangunkan

kampung di tebing Sungai Perak yang memiliki aset pelancongan sejarah dan belum didedahkan secara serius.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman, berkata pihak berkenaan mungkin terlepas pandang kelebihan dari segi pelancongan sejarah yang mampu mengubah landskap ekonomi penduduk di situ.

Katanya, Kampung Gajah dan Pasir Salak menyimpan sejarah silam yang gah dengan keberanian pahlawan Datuk Sagor dan Datuk Seri Maharaja Lela menentang penceroba-

han Inggeris hingga tercetus peristiwa pembunuhan Residen British pertama, JWW Birch di Pasir Salak pada abad ke-18.

"Kampung Bandar atau lebih dikenali 'Kampung Bandor' pula pernah menjadi pelabuhan yang sibuk dengan kehadiran pedagang dari Asia Barat dan India untuk mendapatkan damar, rotan dan bijih timah.

"Di situ juga terdapat makam Sultan Perak, Sultan Iskandar Zulkarnain terletak di Pulau Indera Sakti. Selain itu, banyak lagi makam Sultan Perak di pesisir Sungai Perak

yang boleh dipromosikan sebagai produk pelancongan sejarah.

"Pelancongan sejarah adalah aset yang harus diketengahkan kepada umum dan program WB River Fest 2015 anjuran Persatuan Keluarga Warisan Kampong Bandor (WB) moga-moga mampu membuka mata pihak berkuasa untuk memajukan sektor pelancongan itu," katanya.

Produk tradisional

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian hadiah perlumbaan kayak sejauh 40 kilometer di Sungai Perak mulai dari Bota Kiri ke Pasir Salak membabitkan 160 peserta tempatan dan beberapa negeri di Semenanjung.

Perlumbaan kayak antara atur cara dalam senarai program WB River Fest 2015 di samping acara maraton, pameran dan ceramah agama serta gerai jualan beraneka produk tradisional.